

Usahawan Teknologi Di Johor Dipelawa Manfaatkan Infrastruktur, Kemudahan TPM

BERNAMA

12 Disember 2017 | Selasa

Rabu, 13 Disember 2017 Selamat Datang MREM Xtra! Akaun Saya | Keluar

50th Anniversary **BERNAMA.com** English | Malay | Mandarin | العربية | Español

TENTANG BERNAMA AM POLITIK EKONOMI SUKAN RENCANA DUNIA E-NEWSLETTER WEB TV ARKIB INFOGRAFIK

Breaking News / Berita Terhangat

Laman Mikro » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah • Bella • eBiz Carian

BERNAMA > BERITA

Usahawan Teknologi Di Johor Dipelawa Manfaatkan Infrastruktur, Kemudahan TPM

Tarikh kemaskini: 12/12/2017

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), syarikat milik kerajaan di bawah seliaan Kementerian Kewangan mempelawa usahawan dan usahawan teknologi di Johor untuk memanfaatkan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatannya dalam usaha menembus pasaran global.

Syarikat berpangkalan di sini dan beroperasi di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu berkata, ia merupakan satu-satunya model inkubasi generasi keempat yang menawarkan khidmat nasihat khusus dan program pembangunan keusahawanan komprehensif serta bersepadu.

"Ditubuhkan pada 1996, TPM berperanan sebagai pemacu bidang sains, teknologi dan inovasi.

"TPM telah memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan teknologi bagi kelompok industri bioteknologi dan sains hayat, perkhidmatan inkubasi, kejuruteraan lanjutan, teknologi maklumat dan komunikasi serta tenaga boleh diperbaharu," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

TPM juga merupakan inkubator pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan inkubasi maya, dikenali sebagai "ADVISE".

"Perkhidmatan inkubasi maya ini sesuai untuk syarikat pemula niaga dan perusahaan yang menghadapi kekangan perbelanjaan modal, ia membolehkan mereka menikmati semua program bimbingan perniagaan dan keusahawanan tanpa perlu hadir secara fizikal di kampus TPM," menurut TPM.

Sementara itu, Ketua TPM Biotech Sdn Bhd, Ema Ukhtiah Zakaria berkata, TPM berperanan membimbing dan membantu usahawan atau syarikat pemula niaga baharu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kelengkapan yang diperlukan untuk memanfaatkan peluang perniagaan mulai peringkat idea hingga ke peringkat akhir pengkomersialan.

"Menerusi infrastruktur, kemudahan dan keupayaan bertaraf dunia kami, keseluruhan proses melibatkan program berstruktur daripada idea dan inkubasi ke peringkat akhir di mana mereka sedia eksport untuk menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Ema berkata, selain kemudahan dan perkhidmatan, TPM juga membantu syarikat di bawah program inkubator melalui bantuan dana bagi penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan projek mereka.

"Seperti yang sedia maklum, syarikat pemula niaga lazimnya mengalami kekangan modal. Oleh itu, kami menyediakan semua program latihan dan bimbingan perniagaan kepada mereka mengenai realiti dunia perniagaan," katanya.

Selakat ini, TPM telah membantu lebih 3,000 individu dan perusahaan kecil dan sederhana dalam kluster industri yang dimandatkan dengan pelaburan keseluruhan, dari segi penyediaan infrastruktur berkelas dunia dan ekosistem komprehensif, melebihi RM1 bilion.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

PM Tiba Di Istanbul Hadir Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC
Lima Sekeluarga Maut Dalam Nahas Kereta, Bas Ekspres Di Segamat
Memupuk Inovasi Satu Kemestian Bagi Malaysia - Najib

Berita Terkini Lain

UMNO, BN Perak Tidak Guna Pendekatan Maki Hamun - politik
Syariah Perlu Mengikut Konteks, Diterapkan Dalam Realiti Perniagaan - Gabenor - ekonomi
Peranan Pajabat Pesuruhjaya Sukan Untuk Mengawal - sukan
Banyak Kemudahan Bagi Pelancang Islam Di Jeju - rencana
400,000 Malnourished Children Could Die In DRC In 2018: UNICEF - dunia

Berita Pilihan Tertinggi

Mangsa Banjir Di Kota Belud Meningkat Kepada 1,829 Orang
PM Tiba Di Istanbul Hadir Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC
Lima Sekeluarga Maut Dalam Nahas Kereta, Bas Ekspres Di Segamat

iklan

ISES 2018
Sustainable Energy: The Future Is Here
10TH & 11TH April 2018
PULMAN Kuching, Sarawak
www.ises.gov.my

SMS
Berita terkini di hujung jari anda

MAXIS taip BUY BERNAMA hantar 26 000
DIGI taip ON BM hantar 2000

KLIK DI SINI UNTUK MAKLUMAT LANJUT